

TOKOH DAKWAH DAN GERAKAN ISLAH DI KELANTAN PADA PERTENGAHAN ABAD KE-19 DAN AWAL ABAD KE-20

*Figures of Da'wah and the Islah Movement in Kelantan
During the Mid-19th and Early 20th Century*

Shafwan Ismail

Faculty of Management and Human Development, Sultan Ismail Petra International Islamic University College (KIAS), 16010 Kota Bharu, Malaysia

*Corresponding author e-mail:
ismailshafwan@gmail.com

Received: 24-07-2024
Accepted: 16-12-2024
Published: 28-10-2025

How to Cite:

Ismail, S. (2025). Tokoh Dakwah Dan Gerakan Islah Di Kelantan Pada Pertengahan Abad Ke-19 Dan Awal Abad Ke-20. *Jurnal Dirasatica: Jurnal Pengajian Islam Kontemporer*, 1(1), 19-33.

ABSTRACT

This article discusses the role of prominent ulama and the influence of the Islah movement in Kelantan from the early 19th century to the mid-20th century. It highlights the significant contributions of individuals such as Hj Mohamad bin Hj Mohamad Said (Dato' Perdana), Haji Muhammad Yusuf bin Ahmad (Tok Kenali), and Hj Nik Mahmud Ismail (Dato' Perdana Menteri Paduka Raja) in introducing reformist ideas and intellectual shifts influenced by Middle Eastern education. The Islah movement, which initially began in the Straits Settlements through figures like Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin and Syed Syeikh al-Hadi, utilized magazines as platforms to disseminate Islamic reformist thought. This article also explores publications such as al-Imam, Pengasuh, and al-Hidayah, which served as crucial mediums for spreading authentic Islamic teachings. Additionally, it examines the challenges faced by this movement, particularly the influence of Western culture and the stagnation of Islamic thought. Through this analysis, the article emphasizes the vital role of ulama and the Islah movement in shaping Islamic thought and education in Kelantan, as well as its broader impact on the Malay community.

Keywords: *Dakwah; Role of Ulama; Islah Movement; Kelantan.*

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan peranan tokoh-tokoh ulama dan pengaruh gerakan islah di Kelantan dari awal abad ke-19 hingga pertengahan abad ke-20. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan memperolehi data daripada artikel dan majalah yang diterbitkan pada zaman tersebut seperti majalah al-Imam, Pengasuh, dan al-Hidayah, al-Hikmah dan lain-lain, yang menjadi medium penting dalam menyebarkan pemikiran Islam pada zaman tersebut. Kajian ini mendapati sumbangan penting individu seperti Hj Mohamad bin Hj Mohamad Said, Tok Kenali, dan Hj Nik Mahmud Ismail dalam membawa perubahan pemikiran dan idea-idea baru di Kelantan yang dipengaruhi oleh pendidikan di Timur Tengah. Selain itu, kajian juga mendapati gerakan islah yang bermula di negeri-negeri Selat, dengan tokoh-tokoh seperti Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin dan Syed Syeikh al Hadi, telah memperkenalkan majalah sebagai platform untuk menyebarkan pemikiran reformis Islam. Seterusnya kajian mendapati punca munculnya gerakan ini adalah menghadapi pengaruh budaya Barat dan kejumudan pemikiran umat Islam pada ketika itu, kesan kejatuhan khilafah islamiah Turki. Dengan kajian ini, dapatlah dirumuskan pentingnya peranan ulama dan gerakan islah dalam membentuk pemikiran dan pendidikan Islam di Kelantan serta impaknya terhadap masyarakat Melayu secara keseluruhan.

Kata Kunci: Dakwah; Peranan Ulama; Gerakan Islah; Kelantan.

1. Pendahuluan

Sejarah perkembangan Islam di Tanah Melayu, khususnya di negeri Kelantan, tidak dapat dipisahkan daripada peranan penting yang dimainkan oleh tokoh-tokoh ulama dan intelektual yang gigih berusaha untuk menyebarkan ajaran Islam. Gerakan islah, yang bermula pada awal abad ke-20, merupakan satu usaha yang signifikan dalam merespon pelbagai cabaran yang dihadapi oleh umat Islam pada masa itu, termasuk pengaruh budaya Barat dan kejumudan pemikiran yang melanda masyarakat. Dalam konteks ini, tokoh-tokoh seperti Tok Kenali, Hj Nik Mahmud Ismail, dan Hj Mohamad bin Hj Mahamad Said muncul sebagai pelopor yang tidak hanya berperanan dalam pendidikan agama, tetapi juga dalam membentuk pemikiran sosial, politik, dan budaya masyarakat Melayu.

Permasalahan utama yang menjadi fokus kajian ini adalah bagaimana gerakan islah berjaya merespon cabaran-cabaran tersebut dalam konteks masyarakat Melayu pada masa itu. Apakah pendekatan yang digunakan oleh para ulama ini untuk menanam pemikiran reformis di tengah masyarakat yang cenderung kepada pemikiran tradisional dan konservatif? Selain itu, bagaimanakah penerbitan majalah seperti Al-Imam dan Pengasuh dan majalah-majalah lain pada masa itu menjadi medium efektif untuk menyampaikan idea-idea pembaharuan, dan sejauh mana ia mempengaruhi pemikiran masyarakat pada masa tersebut? Kajian ini juga mempersoalkan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh gerakan islah, termasuk tentangan daripada golongan tradisional dan kekangan sosial yang wujud ketika itu.

Gerakan islah di Kelantan dipengaruhi oleh pendidikan yang diperoleh oleh tokoh-tokoh ini di Timur Tengah, terutamanya di Makkah dan Al-Azhar. Mereka membawa pulang idea-idea pembaharuan yang menekankan pentingnya pemikiran kritis dan penyesuaian ajaran Islam dengan realiti masyarakat tempatan. Melalui

penerbitan majalah-majalah keislaman seperti al-Imam dan Pengasuh, mereka mencipta platform untuk menyebarkan pemikiran reformis yang mengajak masyarakat kembali kepada ajaran Islam. Majalah-majalah ini bukan sahaja menjadi medium penyebaran ilmu, tetapi juga berfungsi sebagai suara yang berani dalam menentang kejumudan dan mengajak masyarakat untuk berfikir secara kritis tentang ajaran agama.

Artikel ini akan meneliti sumbangan tokoh-tokoh ulama dalam gerakan islah, serta cabaran yang mereka hadapi dalam usaha untuk membawa perubahan. Kajian ini juga mengkaji bagaimana penerbitan majalah-majalah keislaman ini telah membantu dalam menyebarkan pemikiran yang lebih progresif dan relevan dengan konteks masyarakat Melayu pada waktu itu. Dengan memahami latar belakang dan usaha-usaha ini, kita dapat menghargai warisan pemikiran yang telah dibina oleh tokoh-tokoh ini dan kesannya yang berpanjangan terhadap perkembangan Islam di Malaysia hingga ke hari ini. Melalui analisis ini, diharapkan pembaca dapat melihat betapa pentingnya peranan ulama dan gerakan islah dalam membentuk identiti dan kesedaran beragama dalam kalangan masyarakat Melayu, serta bagaimana mereka telah mencipta kesedaran baru yang membawa kepada perubahan sosial dan intelektual yang signifikan.

2. Skop dan Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk menganalisis peranan tokoh-tokoh ulama dalam gerakan islah di Kelantan. Pendekatan ini membolehkan penulis untuk mendalami pemikiran, sumbangan, dan cabaran yang dihadapi oleh tokoh-tokoh tersebut dalam konteks sosial dan budaya pada masa itu.

Kajian literatur dilakukan dengan merujuk kepada sumber-sumber tertulis, termasuk buku, artikel, dan majalah yang berkaitan dengan gerakan islah dan tokoh-tokoh ulama. Ini termasuk analisis kandungan terhadap majalah seperti Al-Imam dan Pengasuh yang menjadi platform penyebaran pemikiran reformis Islam.

Penulis menggunakan data sekunder dari kajian-kajian terdahulu dan dokumen-dokumen sejarah untuk menyokong argumen dan analisis yang dibuat. Ini termasuk rujukan kepada karya-karya tokoh-tokoh ulama dan pengaruh mereka terhadap masyarakat Melayu.

Dalam menganalisis gerakan islah, penulis menerapkan teori sosial yang berkaitan dengan perubahan sosial, pendidikan, dan pengaruh budaya, untuk memahami bagaimana gerakan ini membentuk pemikiran dan identiti masyarakat Melayu.

Artikel ini mendapati diskusi mengenai kesan jangka panjang gerakan islah terhadap perkembangan Islam di Malaysia, serta kesimpulan yang merangkumi sumbangan tokoh-tokoh ulama dan kesesuaian pemikiran mereka dalam konteks masa kini.

3. Perbincangan dan dapatan kajian

3.1 Tokoh ulama Kelantan pada awal abad ke- 19

Walaupun agama Islam sudah mula bertapak di bumi Kelantan sejak abad ke- 12 M lagi, tetapi para pengkaji sejarah Kelantan meletakkan abad ke- 18 sebagai permulaan kepada perkembangan pendidikan Islam yang digerakkan oleh tokoh-tokoh dakwah di Kelantan. Hal ini kerana kurangnya maklumat sejarah yang menjelaskan perkembangannya sebelum tempoh tersebut.

Berdasarkan tinjauan penulis, didapati hampir semua pengkaji sejarah ulama Kelantan bersetuju mengatakan bahawa antara tokoh paling awal yang dapat dikesan telah memulakan aktiviti dakwah di negeri Kelantan pada abad ke- 18 M, ialah Tuan Syeikh Haji Abdul Halim. Beliau bukan anak jati Kelantan, tetapi dikatakan dari China yang dijadikan anak angkat kepada Long Yunus (1762-1794).

Kemudian beliau telah dihantar ke Makkah oleh Long Yunus bersama seorang puteranya untuk mendalami di dalam bidang agama. Sekembali beliau ke negeri Kelantan, Syeikh Abdul Halim menjadi seorang ulama yang dikenali ramai. Aktiviti dakwah peringkat awal beliau dijalankan di Istana dan surau-surau untuk anak-anak raja, anak-anak pembesar dan orang ramai.

Pengajaran yang dititikberatkan adalah perkara asas yang menjadi keperluan setiap orang Islam, iaitu persoalan berkaitan fardhu ain dan soal-soal yang berkaitan rukun Islam dan rukun iman. Pada zaman tersebut belum banyak terdapat kitab-kitab agama yang dicetak menyebabkan Syeikh Abdul Halim menyampaikan pengajarannya secara lisan sahaja. Kitab-kitab yang digunakan ialah kitab jawi tulisan tangan dan kitab-kitab Arab, dimana beliau menterjemah ke dalam bahasa Melayu dan menyampaikan pengajaran dalam bahasa Melayu. Di zaman pemerintahan Sultan Muhammad I (1800-1837) pula Syeikh Abdul Halim ini dilantik menjadi penasihat agama Baginda Sultan dan menjadi orang bertanggungjawab dalam Hal Ewal agama Islam di Kelantan (Abdul Halim, 1998).

Terdapat juga deretan nama tokoh-tokoh yang memelopori perkembangan dakwah di akhir abad ke-18 dan awal abad ke-19 seperti Faqeh Muhammad dari Chengal, Sayyid Baginda Diman al Hafiz, Imam Sulong di Surau Bot, Tok Derahim@Haji Wan Abdul Rahim, Banggol, Tok Tun Datu, Jelatang, Tok Tebing@ Haji Wan Senik, Padang Enggang, Tok Kakbah@ Haji Wan Mahmud, Jelatang Kakbah dan Lebai Abdul Latif, Delima (Ismail, 1991). Mereka ini dianggap tokoh-tokoh ulama Kelantan di abad ke-18 yang menjadi pelopor kepada penyebaran ajaran Islam yang telah membentuk perubahan di dalam kesedaran beragama bagi rakyat Kelantan, membawa kepada perkembangan yang lebih pesat selepasnya.

Sekitar separuh pertama abad ke- 19, bumi Kelantan telah melahirkan lebih ramai tokoh-tokoh ulama yang menaburkan jasa mendidik masyarakat ke arah kesedaran beragama. Di antara tokoh yang menonjol dalam penyebaran dakwah diperingkat ini ialah dua orang tokoh yang terkenal, iaitu Haji Abdul Samad atau Tok Pulai Chondong (1792-1873) dan Hj Yaacob yang merupakan anak Sheikh Abdul Halim sendiri. Hj Abdul Samad telah mendirikan pondok di Kampung Surau Pulai Chondong

pada dekat 1820-an yang menjadi pondok paling awal di Kelantan. Manakala Hj Yaacob telah mengajar di Surau yang didirikan oleh beliau di tepi Sungai Kelantan, disamping menjadi penerus tugas bapa beliau sebagai penasihat agama kepada Sultan Kelantan berikutnya, iaitu Sultan Muhammad II (1837-1889) (Abdul Razak, 2010)

Selepas generasi ini lahir pula generasi ulama yang yang lebih ramai pada akhir abad ke- 19. Mereka ini adalah terdiri daripada tokoh-tokoh pengarang kitab agama yang terkenal di Kelantan. Di antara nama yang paling menonjol di peringkat ini ialah Hj Abdul Samad bin Mohamad Saleh al Kelantani yang dikenali sebagai Tuan Tabal (1816-1891). Beliau bukan hanya menyampaikan pendidikan agama, bahkan banyak mengarang kitab. Antara peninggalan karya beliau adalah '*Minhatul Qarib dan Kifayatul Awam*' yang dicetak di Makkah, '*Jalaul Qulub Bizikrillah*' dan '*Bab Harap*' yang dicetak di Majlis Agama Islam Kelantan, '*Bidayatul Taklim Awam*' dan sebuah kitab Fekah cetakan kali kelima di Al Matbaah Al Kamaliah, Kota Bharu, manakala cetakan pertamanya di Makkah, '*Munabbihul Ghafilin*' di cetak pada tahun 1955 di al-Ahliyah, Kota Bharu dan '*Munyatul Ahli*' yang dicetak di Mustafa Press, Kota Bharu (Alias, t.t).

Tuan Tabal telah berjaya melahirkan ramai murid yang kemudiannya terus menyambung kegiatannya dalam kegiatan dakwah. Di antara mereka termasuklah dua orang anaknya, iaitu Hj Wan Musa dan Hj Wan Abdullah. Kemudian Hj Daud Che Hussain, Tok Kenali dan Hakim Nik Abdullah bin Raja Zainal adalah murid-murid Tuan Tabal yang berjaya. Mereka ini turut memesatkan lagi perkembangan pendidikan Islam tradisional di Kelantan pada abad ke- 20 (Abdul Halim, 1982).

Selain Tuan Tabal, ada lagi nama besar yang muncul diperingkat ini, iaitu Hj Wan Ali Kutan bin Abd Rahman al Kelantani (1837-1912). Beliau dilahirkan pada 1837 di Kutan, Pasir Pekan Kota Bharu. Hj Wan Ali telah bertugas menyampaikan pendidikan agama di Kutan dan juga jajahan Kota Bharu. Beliau telah menghambakan dirinya sepanjang hayat untuk menuntut dan menyampaikan ilmu agama. Di antara murid-murid yang berguru dengan beliau ialah Tok Kenali.

Beliau meninggal dunia di Makkah pada tahun 1912. Beliau telah meninggal hasil karya yang sangat bernilai, seperti '*al-Jauhar al-Mauhub*' (1888M), '*Zahratul Murid Fi Aqaidil Tauhid*' (1893M), '*Lam'tul Aurad*' (1881M), '*Majmu' al Qasaid wal Awa'id*' (1900). (Abdul Halim, 1982). Mengikut catatan Ismail (2007), nama sebenar tokoh ini adalah Wan Muhammad Ali bin Wan Abdul Rahman bin Abdul Ghafur. Beliau tidak pulang mengajar di Kelantan, sebaliknya menjadi guru di Masjid al Haram Makkah. Ramai tokoh pendidik dan alim ulama Semenanjung Melayu yang muncul pada paruh pertama kurun ke 20 pernah berguru dan berdamping dengan beliau sewaktu belajar di Makkah. Oleh sebab itu beliau kurang dikenali masyarakat Kelantan.

Kemunculan dua tokoh ini telah membangunkan lagi pendidikan Islam dan dakwah di Kelantan, kerana mereka bukan saja memberi pengajaran, tetapi turut menulis kitab-kitab yang menjadi rujukan murid-murid pada ketika itu hingga ke hari ini. Dalam kalangan murid-murid mereka ramai yang menjadi ulama besar yang menyumbang kepada perkembangan dakwah di Kelantan pada abad ke- 20.

Pada awal abad ke-20, bumi Kelantan telah menyaksikan kemunculan tokoh-tokoh dakwah yang terdiri daripada ulama dan cendekiawan Melayu yang lebih ramai hasil didikan generasi sebelumnya. Mereka telah berusaha membawa arus perubahan

dan kesedaran ke dalam mesyarakat Kelantan dengan menggunakan berbagai medium baru dakwah. Tokoh-tokoh di abad ini dilihat mampu membawa perubahan yang lebih drastik dalam membentuk minda baru umat Islam khususnya di Kelantan. Nama besar yang paling menonjol di peringkat ini ialah Hj Awang Mohd. Yusuff bin Ahmad yang lebih terkenal dengan Tok Kenali (1868-1933).

Pada dekat pertama abad 20, tiga orang tokoh ulama Kelantan pulang ke Kelantan dalam waktu yang hampir sama. Mereka telah memainkan peranan yang sangat besar dalam bidang dakwah dan pentadbiran negeri Kelantan. Mereka ialah Hj Nik Mahmud Ismail (kemudian Dato' Bentara Setia dan Dato' Perdana Menteri Paduka Raja), Hj Awang Mohd Yusoff bin Ahmad (Tok Kenali) dan Hj Muhammad bin Khatib Hj Mohd Said (Dato' Bentara Jaya dan kemudian Dato' Laksamana). Hj Nik Mahmud pulang sekitar tahun 1905, diikuti Tok Kenali awal tahun 1909 dan Hj Muhammad pulang pada penghujung tahun 1914 (Abdul Razak, 2010).

Tiga tokoh ini dilihat telah berjaya membangunkan aspek keilmuan, penulisan dan pentadbiran Islam. Penubuhan Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) pada 24 Disember 1915 merupakan usaha dari tiga rangkaian pendekatan baru dakwah Islamiah tersebut di Kelantan yang merupakan cetusan idea dan hasil usaha gigih yang dimainkan oleh tiga tokoh tersebut. Dengan tertubuhnya MAIK, maka tiga rangkaian medium dakwah itu menjadi sangat subur dengan penyebaran ilmu melalui penubuhan sekolah-sekolah, penerbitan buku-buku agama dan penerbitan majalah *Pengasuh* yang menjadi lidah rasmi MAIK dan aktiviti-aktiviti yang lain. Tok Kenali sebagai pengasas dan pengarang pertama majalah *Pengasuh*, menjadi tokoh yang berpengaruh dalam mencetuskan idea-idea pembaharuan yang dicernakan di dalam majalah itu. Jika ditinjau aspek penulisan yang sering dikemukakan di dalam majalah *Pengasuh* di sepanjang keluarannya merangkumi aspek-aspek yang luas, pendidikan dan pelajaran, ekonomi, sejarah, kebudayaan dan politik serta keagamaan (Nawawi, 1981). Sumbangan tiga tokoh ini sangat dirasai di dalam membawa perubahan pemikiran dan cetusan idea-idea baru di Kelantan. Menurut al-Ahmadi;

"Dari tahun 1900 hingga tahun 1941, timbul suatu perubahan pemikiran di Kelantan. Pengaruh dari luar yang pertama dirasakan dibawa dari Timur Tengah iaitu apabila kembalinya beberapa orang pelajar Kelantan dari Mesir. Antara pelajar itu termasuklah Hj Mohamad bin Hj Mohamad Said, Tok Kenali dan Hj Nik Mohamad Ismail (Abdul Rahman Ahmadi, 2004)".

Hj Nik Mahmud Ismail, sekembalinya dari Makkah telah berkhidmat sebagai kerani di Pejabat Tanah, Kota Bharu, kemudian berpindah ke Istana Balai Besar. Lantaran kecekapan beliau dalam pentadbiran, beliau kemudian dilantik menjawat jawatan Penolong Setiausaha Sulit Raja Kelantan Long Senik Ibni Sultan Muhammad III. Kemudian beliau dilantik ke jawatan penolong kepada Dato' Menteri, Che Hassan bin Mohd Salleh pada November 1912 dengan mandat menjalankan tugas Dato' Menteri (setaraf dengan jawatan Menteri Besar) kerana keuzuran Dato' Menteri ketika itu. Oleh kerana tugas dan jawatannya ini, ditambah pula dengan kecerdasan fikiran dan ketinggian ilmu agama dan keduniaan yang dimiliki beliau, Dato' Perdana Menteri sangat akrab dengan Istana dan menjadi tokoh yang sangat berpengaruh dalam

pembentukan dasar dan amalan pentadbiran kerajaan negeri Kelantan (Abdul Razak, 2010).

Hj Muhammad bin Khatib Hj Muhammad Said pula adalah Ketua Pengarang *Pengasuh* kedua selepas Tok Kenali pada 1 Oktober 1919, merangkap Naib Yang Dipertua MAIK (Ismail, 1976) Pada 1 Mac 1916, beliau dilantik memegang jawatan Penolong Setiausaha Kedua kepada al Sultan dan kemudian pada 1 Januari 1917 menjadi Penolong Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan merangkap kerani Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Kerjaya beliau dalam bidang pentadbiran mencapai puncaknya pada 12 September 1925 apabila beliau dilantik memegang jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (Abdul Razak, 2002).

Selain tugas-tugas wajib dalam bidang pentadbiran, Dato' Laksamana banyak melaksanakan kerja-kerja kebajikan terutama dalam bidang pelajaran dan penulisan. Beliau banyak menghasilkan tulisan-tulisan yang bermutu mengenai Islam, sejarah dan lain-lain. Tulisan-tulisan tersebut banyak dilatari latar belakang pengajiannya di Mesir, kerana zaman tersebut lahir gerakan *tajdid* (pembaharuan) yang dipelopori oleh Muhamad Abduh, kemudian diteruskan oleh muridnya Muhammad Rashid Redha.

Majalah *al-Manar* yang diterbitkan oleh aliran ini banyak mempengaruhi pemikiran beliau. Oleh itu tidak hairanlah majalah Pengasuh dibawah pimpinannya menjadi majalah yang diminati bukan saja di Tanah Melayu, bahkan di Sumatra, Borneo dan lain-lain. Dato' Laksamana adalah anak Melayu pertama yang menterjemah undang-undang kerajaan British dan di siarkan di dalam Pengasuh secara bersiri mulai 21 September 1918. Beliau juga merupakan penulis Melayu pertama yang memperkenalkan genre novel dalam sastera Melayu dan juga orang pertama yang memperkenalkan istilah wartawan di dalam dunia persuratan Melayu.

Selain itu, beliau boleh dianggap penulis novel pertama di Kelantan, bahkan di Tanah Melayu apabila menerbitkan novel detektif bertajuk '*Kecurian Lima Million Ringgit*' pada bulan Januari tahun 1922, mendahului novel percintaan bertajuk '*Faridah Hanun*' yang diterbitkan pada tahun 1926 oleh Syed Syeikh Al Hadi Dato' Laksamana meninggal dunia pada jam 6.30 pagi hari Isnin 20 Mac tahun 1939 dalam usia 52 tahun di rumah ayahandanya di balik Kota Besar, Kota Bharu kerana mengidap sakit paru-paru dengan meninggalkan dua orang isteri dan tujuh orang anak. Jenazah beliau dimakamkan di perkuburan Islam Kampung Banggol, Kota Bharu di sisi kubur ayahandanya Dato' Hj Muhd Said Sri Diraja Kelantan. (*Anonymous*, 1939)

Beliau meninggalkan murid yang ramai dalam kalangan penulis dan cendekiawan Melayu yang terkenal. Antara mereka yang dimaksudkan adalah Ahmad Ismail, Abdul Kadir Adabi dan Asaad Shukri bin Hj Muda dan lain-lain yang memainkan peranan besar dalam dakwah di negeri Kelantan selepasnya.

Perjuangan Dato' Laksamana, Tok Kenali dan tokoh-tokoh ulama Kelantan yang seangkatan dengannya serta barisan para ulama terdahulu, telah melahirkan ramai tokoh yang masyhur dalam sejarah Kelantan. Kajian tentang sejarah ulama dan intelektual Kelantan telah menarik minat para pengkaji kerana peristiwa ini berlaku sebelum Peperangan Dunia Kedua.

Hasil perjuangan tokoh-tokoh tersebut, lahirnya seorang tokoh pengarang, penterjemah dan penyusun kamus yang terkenal Syeikh Muhammad Idris bin Abdul

Rauf Al Marbawi (1896-1989). Beliau pernah berguru dengan Tok Kenali di Kelantan dan semasa di Kelantan beliau mula mengasah bakat dalam penulisan melalui majalah *Pengasuh* di bawah pimpinan gurunya Tok Kenali. Lahirnya Sheikh Othman Jalaluddin Al Kelantani (1867-1952) pengasas Madrasah Manabi' al Ulum di Bukit Mertajam, penulis Tafsir al 'Arf dan lain-lain. Lahirnya Hj Ali Salahuddin b. Awang (1888-1968) pengasas Madrasah al Falah, di Pulau Pisang, juga pengarang kitab *al-Durus al-Kenaliyyat al-Ibtidaiyyah* dan kitab-kitab lain (Ismail, 2007).

Lahir juga tiga tokoh seangkatan yang memainkan peranan yang berkesan dalam meningkat kesedaran keagamaan, sosial dan politik di Kelantan. Mereka adalah tokoh pendakwah, penulis, sejarawan, pengkritik sosial dan ahli politik terkemuka. Tiga tokoh yang dimaksudkan itu adalah Dato' Lela Negara Ahmad Ismail Asasi (1899-1969), Abdul Kadir Adabi (1901-1944) dan Asaad Shukri bin Hj Muda (1905-1971). Ahmad Ismail merupakan tokoh yang telah memainkan peranan penting di dalam persuratan Wilayah Timur khususnya dan Malaysia amnya. Sumbangan beliau adalah dalam bentuk penulisan cerpen dan penyuntingan buku, artikel dalam majalah seperti *Pengasuh*, *al-Hidayah* dan *al-Hikmah* serta terkenal sebagai pengasas *Matba'ah al-Asasiah* dan juga penggerak penting kepada *Jam'iyah al-Asriyyah* yang didirikan oleh Tok Kenali pada tahun 1924 di Kota Bharu. Beliau juga menjadi tenaga penting di dalam pergerakan sosial di Kelantan sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua.

Abdul Kadir Adabi bin Ahmad adalah seorang penulis prolific, pejuang bangsa, pemikir masyarakat, pengkritik sosial yang berani dan ahli politik yang terkenal. Beliau juga adalah murid Tok Kenali, Tok Kerawat, Dato' Laksamana dan lain-lain. Semasa di Madrasah Muhammadiyah sekitar tahun 1917, Abdul Kadir dibimbing oleh Dato' Laksamana Hj Mohamad bin Hj Mohd. Said dalam ilmu karang mengarang dan pelajaran menterjemah.

Asaad Shukri bin Haji Muda adalah tokoh yang paling muda daripada mereka bertiga. Beliau dilahirkan pada 25 Februari 1905 di Kampung Masjid, Kota Bharu. Beliau mula mendapat pendidikan formal di sekolah Melayu kerajaan di Kota Bharu pada tahun 1911, kemudian berpindah ke sekolah kerajaan di jalan Padang Garung hingga tahun 1916. Apabila Madrasah Muhammadiyah dibuka oleh MAIK pada tahun 1917, beliau memasuki madrasah tersebut di dalam darjah IV dan belajar selama tiga tahun sehingga tahun 1919. Setelah berhenti dari madrasah ini beliau terus melibatkan diri di dalam bidang pekerjaan. Pada tahun 1919 beliau bertugas sebagai kerani pelatih di Pejabat Tanah bahagian hasil cukai tanah. Kemudian pada tahun 1929 sebagai kerani di Pejabat Penggawa di jajahan Kota Bharu sehingga kedatangan Jepun (Abdul Rahman Ahmadi, 2004).

Beliau seorang aktif di dalam bidang penulisan, pergerakan sosial dan politik. Bersama Abdul Kadir Adabi, beliau telah menubuhkan Putera Kelab dan pada 1 Oktober 1929 menerbitkan majalah *Putera*. Pada tahun 1930, beliau menerbitkan majalah *Kencana* dan menulis di dalam majalah tersebut dengan nama samaran Siti Maryam Saidi. Pada tahun 1931 ditubuhkan Persekutuan Setiawan Belia, dimana beliau menjadi Yang Dipertua.

Persekutuan ini bergiat aktif di dalam bidang seni, sastera dan ilmiah sehingga kedatangan Jepun. Melalui Persekutuan tersebut, Asaad Shukri selalu menganjur majlis

forum, syarahan, debat dan lain-lain. Beliau selalu menjadi Pengerusi Majlis dalam setiap majlis yang dianjurkan Setiawan Belia. Beberapa orang tokoh terkenal pada masa itu yang dijemput mengisi majlis-majlis yang dianjurkan, antaranya Ahmad Ismail Asasi, Abdul Kadir Adabi, Hj Abbas Mohd. Taha, Dr Burhanudin Al Helmi, Syed Hussein Al Sagoff, Abdul Rahim Kajai dan lain-lain.

Pada tahun 1936 beliau mula menceburkan di dalam politik apabila menyertai Persetiaan Melayu Kelantan (PMK). Pada tahun 1939 beliau telah menggunakan Setiawan Belia untuk menjalankan kegiatan Kesatuan Melayu Muda (KKM) cawangan Kelantan. Pada tahun sama, beliau dilantik menjadi ahli jawatankuasa Persatuan Melayu Semenanjung. Selepas perang Jepun, iaitu pada tahun 1945, beliau menjadi tawanan politik British kerana dituduh berkerjasama dengan Jepun, kemudian dibebaskan pada 31 Mei 1946. Semasa Jepun mula mendarat di Kelantan, beliau bersama-sama Abdul Kadir Adabi, Wan Ibrahim Mustafa, Ustaz Wan Mahmud Daud dipaksa pihak Jepun menerbitkan majalah *Matahari* untuk propaganda Jepun.

Beliau juga terlibat di dalam politik Pattani, sebagai salah seorang anggota dalam Gabungan Petani Melayu Raya (GEMPAR) yang ditubuhkan pada 5 Mac 1948, dimana Tengku Mahmud Mahyiddin bin Tengku Abdul Kadir Kamaruddin sebagai penasihat. (Salma Sulaiman, 1979/80)

Oleh kerana tekanan dan intipan dari pihak pemerintah Inggeris, beliau berhijrah ke Singapura pada tahun 1950. Semasa di Singapura beliau menjalankan aktiviti seperti berniaga kain, menjadi tukang jahit, tukang masak, bekerja di hospital dan sebagainya. Di Singapura juga, beliau juga tidak terlepas dari diintip Polis Cawangan Khas. Beliau sentiasa diperiksa dan terpaksa melaporkan diri di Pejabat Polis Singapura.

Beliau juga pernah ditawarkan bekerja dengan Polis Cawangan khas tetapi beliau menolak kerana memilih untuk berdikari. Pada tahun 1954, beliau pulang ke Kelantan dan bertugas sebagai kerani sementara di bahagian taksiran rumah di Kota Bharu. Pada tahun 1957 hingga tahun 1958, beliau bertugas di Dewan Bahasa dan Pustaka di Johor, kemudian apabila Dewan Bahasa dan Pustaka dipindahkan ke Kuala Lumpur, beliau turut ke Kuala Lumpur hingga tahun 1959. Pada tahun 60-an beliau sudah tidak aktif dalam bidang politik, hanya memberi tumpuan kepada penyusunan kamus yang berkaitan adat istiadat Melayu, penduduk, kamus ubat-ubatan, kamus binatang, kamus istilah untuk bahagian perahu dan kamus bahasa Kelantan. Beliau meninggal dunia pada 25 Januari 1971 di Makkah.

Daripada penelitian terhadap tokoh-tokoh ulama dan intelek Kelantan, jelas menunjukkan bahawa mereka adalah golongan yang berpendidikan Islam yang telah merintis jalan dalam mengembangkan dakwah islamiah dan mengukuhkan budaya keislaman dalam kehidupan umat Islam di Kelantan khususnya, dan di Tanah Melayu amnya. Mereka terkenal sebagai golongan yang berkemampuan menyampaikan idea-idea pembaharuan yang kritis dan cukup berkesan, sehingga membentuk suatu masyarakat yang kuat berpegang kepada nilai-nilai keagamaan hingga ke hari ini.

3.2 Perkembangan gerakan *Islah* di Kelantan

Jika dirujuk perkataan *islah*, ia berasal dari bahasa Arab dari kata dasar 'aslaha' yang boleh diertikan sebagai melakukan suatu kerja yang baik dan berfaedah, menghilangkan

kerosakan, mendamaikan dua puak yang bertelingkah dan lain-lain. (Ibrahim Mustafa, 1972). Menurut Muhammad Al Bahi gerakan islah, ialah satu gerakan yang dijalankan untuk memperteguhkan ajaran agama dan melenyapkan segala idea atau pemikiran yang bertentangan dan berlawanan dengan Islam dengan mengembalikan Islam sebagai nilai-nilai hidup yang diwarisi sejak awal. (Muhammad al Bahi, 1925) Di dalam agama Islam gerakan seumpama ini adalah penting bagi memperbaiki kehidupan masyarakat Islam yang terpesong mengikut perkembangan zaman, kerana penghayatan umat Islam terhadap agama semakin lama akan menjadi semakin kurang.

Oleh itu, dapatlah dikatakan bahawa proses *islah* merupakan salah satu cara untuk megalihkan umat Islam kepada corak kehidupan seperti yang pernah diamalkan oleh Rasulullah SAW. Selalunya gerakan ini dikaitkan dengan beberapa tokoh besar dalam dunia Islam seperti Imam Ibn Taimiyyah (1263-1328) (Zakaria@Mahmud Daud, 2014), Syeikh Muhammad Abdul Wahhab (1703-1787) Syeikh Jamuluddin al Afghani (1838-1897), Muhammad Abduh (1849-1905), Rashid Redha (1865- 1935) dan lain-lain (Ahmad Faisal Abd Hamid, 2012)

Pertumbuhan gerakan *islah* di Tanah Melayu sebenarnya berkait rapat dengan perkembangan gerakan tersebut di seluruh di Nusantara, khususnya Indonesia. Gerakan-gerakan *islah* atau *tajdid* ini muncul adalah untuk membaharui kehidupan umat Islam dari segi pegangan keagamaan yang makin lama makin longgar disebabkan pengaruh Barat dalam bentuk penjajahan dan *ghazwu al Fikri* (serangan pemikiran) ke atas seluruh dunia Islam. Ini telah mengakibatkan timbulnya suatu budaya baru di kalangan umat Islam, iaitu budaya yang menjadi penghubung kepada Barat. Kelemahan dan kejatuhan Khilafah Othmaniah di Turki pada tahun 1924 yang merupakan khilafah Islamiah yang menaungi umat Islam sangat menyumbang kepada berlakunya keadaan tersebut. Menurut Mahmood Zuhdi Abdul Majid kemunculan gerakan *islah* ini mempunyai hubungan yang erat dengan fenomena nasib umat Islam pada sesuatu zaman. (Mahmood Zuhdi Abd Majid, 1994).

Bermula abad ke- 18, dunia Islam telah menyaksikan kelahiran gerakan *islah* di seluruh pelusuknya. Munculnya penggerak dan pencetus *islah* seperti Muhammad Abdul Wahab (1703-1792) di Semenanjung Tanah Arab yang bangkit menentang gejala penyelewengan akidah dan mengajak manusia supaya menjauhkan diri dari perkara bid'ah dalam aspek-aspek akidah, ibadah dan muamalat dengan bersandarkan kepada tulisan-tulisan Ibn Taimiyyah dalam menerangkan tauhid yang sebenar, meninggalkan '*taasub*' kepada pandangan dan mazhab tertentu dengan kembali kepada ajaran Kitab dan Sunnah serta pengkajian yang bebas dari taasub dan mencari dalil yang kukuh (Muhsin Abdul Hamid, 1987).

Selepas itu, muncul pula gerakan *Sanusiyyah* di Utara Afrika yang dimulakan oleh Muhammad Bin Ali as Sanusiyyah (1787-1859) yang bertujuan mengembalikan kehebatan Khilafah Islamiah seperti zaman kekuatannya dan menentang pencerobohan Barat ke atas negeri tersebut. Sementara di Sudan lahir gerakan *al Mahdiyyah* yang dipelopori oleh Muhammad Ahmad al Mahdi (1844-1885) yang bertujuan menegakkan Kerajaan Islam di Sudan dan meluaskan pengaruhnya ke negara-negara Islam yang lain. Gerakan ini dilihat telah mencapai kejayaan menanggapi persekitaran sosial yang buruk yang dihadapi umat Islam Sudan ketika itu (Ahmad Fahd Barakat al-Syawabikah, 1984).

Di Mesir lahirnya gerakan *islah* yang digerakkan oleh para pemikir Islam dan yang paling menonjol ialah Jamaluddin al-Afghani (1838- 1897) dan Muhammad Abduh (1849-1905) dan Rashid Rehda (1865-1935). Manakala di benua kecil India lahir pencetus *islah* seperti Sayyid Amir Ali dan Muhammad Iqbal. Di Pakistan lahirnya tokoh seperti Abu al A'la al Maududi.

Gerakan ini berkembang dengan rancak sejak dari awal abad ke- 20 sehingga akhirnya melahirkan dua aliran pemikiran Islam yang bertentangan. Ia diistilahkan dengan istilah "kaum tua dan kaum muda". Kedua-dua kelompok ini masing-masing menjadikan majalah sebagai *platform* untuk menyebarkan idea-idea reformis yang didokongi. Selain itu, diterbitkan buku, ditubuhkan sekolah atau madrasah. Menurut Abdul Aziz Mat Tom, gerakan ini perlu kerana menjelang kurun ke19, budaya Islam ketinggalan dari material dan pengumpulan ilmu pengetahuan yang termasuk penciptaan alat-alat sains dan teknologi. Di dalam bidang pelajaran, secara beransur-ansur tradisi pendidikan Islam menghadapi cabaran yang hebat akibat kemasukan dan kegiatan Barat yang banyak mengubah konsep, tradisi dan kebenaran ilmu pengetahuan seperti dipercayai masyarakat tradisional dan apa yang lebih mencabar ialah pertembungan budaya Euro-Amerika dengan kebudayaan tempatan (Ab Aziz Mat Tom, 2000).

Suatu yang jelas, selain daripada tekanan budaya Barat terhadap budaya setempat sepertimana yang disebutkan, gerakan ini juga lahir disebabkan suasana kejumudan pemikiran umat Islam sendiri yang dilingkungi pemikiran yang sempit kerana kurangnya pendedahan terhadap hakikat ajaran Islam sebenar.

Akibatnya timbul sikap fanatik terhadap agama menyebabkan mereka sukar untuk menerima perubahan. Amalan *taqlid buta* dan *bid'ah* serta *khurafat* ini perlu kepada proses pengislahan kerana ia menjadi faktor yang menjatuhkan ketinggian agama Islam. Hal ini berlaku bukan saja disebabkan kealpaan pemimpin, malah kelalaian dari para ulama, guru-guru agama serta mereka yang bertanggungjawab menjalankan pentadbiran Islam.

Suatu hakikat yang perlu disebut bahawa gerakan islah di Malaysia dipelopori oleh mahasiswa-mahasiswa Melayu yang menuntut di Universiti Al Azhar, Mesir yang menerima pengaruh *Islah*. Mereka telah memainkan peranan yang penting dalam meniupkan semangat tersebut sekembalinya mereka ke Tanah Air. Peranan yang dimainkan oleh lulusan Universiti al Azhar sangat penting dalam menimbulkan kesedaran orang Melayu sebelum Perang Dunia Kedua dan mendahului mereka yang mendapat pendidikan Inggeris atau Melayu (Muhammad Redhuan Othman, 2005).

Majalah *Seruan Azhar* yang diterbitkan pada 1925 hingga 1928 oleh pelajar Melayu-Indonesia di Mesir yang menjadi sebuah majalah yang agak berpengaruh di Mesir. Penerbitan majalah ini adalah untuk membawa perubahan kepada masyarakat di tanahair kerana lebih banyak ditumpukan kepada perkara berkaitan agama. Majalah ini telah membawa semangat baru dan berani dalam menyuarakan pendapat tentang agama yang mengajak pembaca ke arah ajaran Islam.

Sejarah gerakan *Islah* di Tanah Melayu telah bermula di negeri-negeri Selat. Tokoh yang menonjol seperti Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin (1851-1957), seorang ulama Minangkabau yang mendapat didikan di Makkah kemudian di Al Azhar, dikatakan sebagai tokoh pelopor gerakan ini. Bersama dengan Syed Syeikh al Hadi (1867-1934M),

Hj Abbas Muhammad Taha dan Muhammad Salim al Kalali beliau telah menerbitkan majalah *al-Imam* pada tahun 1906 di Singapura sebagai langkah awal untuk menyebarkan fahaman reformis mengenai Islam (Nurkhairani Kharuddin, 2002).

Majalah *al-Imam* yang dilancarkan pada 23 Julai 1906 telah menjadi tapak kepada penerbitan majalah dan akhbar di Tanah Melayu yang bertemakan keislaman dan menjadi inspirasi kepada munculnya gerakan *islah* yang disalurkan melalui penulisan. Pada tahun 1908 lahir pula majalah *al Munir* di Padang, Sumatra Barat Indonesia diterbitkan oleh Syeikh Abdullah bin Ahmad bersama-sama dengan ulama Minangkabau, diikuti dengan majalah *Pengasuh* pada tahun 1918 yang diterbitkan oleh Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dibawah kelolaan Muhammad Yusuf bin Ahmad (Tok Kenali).

Kemudian *Pengasuh* diteruskan oleh Dato' Laksamana yang memperjuangkan idea politik dan sosialnya yang ditimba di Mesir yang meliputi cita-cita Jamaluddin al Afghani, Muhammad Abduh dan Rashid Redha (Abdul Rahman Ahmadi, 1976). Pada tahun 1923pula majalah *al-Hidayah* diterbitkan dan pada tahun 1934, sekali lagi negeri Kelantan digemparkan dengan pelancaran majalah *al-Hikmah*. Kedua-dua majalah tersebut diterbitkan oleh Ahmad Ismail di Kota Bharu. Ahmad Ismail, walaupun tidak menimba ilmu di Mesir, tetapi banyak terdedah dengan pemikiran pembaharuan yang progresif melalui pembacaan majalah-majalah dari Mesir, selain mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan Tok Kenali dan tokoh-tokoh islah yang lain. Ahmad Ismail telah dilihat cuba menanam idea-idea pembaharuan yang progresif ini dengan pendekatan yang sederhana, iaitu masih lagi di dalam lingkungan mazhab As Syafei dari segi amalan keagamaan. Ia berbeza sekali dengan pendukung-pendukung kaum muda di bahagian Pantai Barat Semenanjung yang tidak lagi terikat dengan mazhab As Syafei. Majalah-majalah tersebut telah menjadi saluran utama dan digunakan dengan sebaiknya oleh gerakan *islah* untuk menyedarkan orang Melayu tentang kelemahan yang mereka hadapi dalam usaha untuk mengamalkan ajaran Islam yang sebenar dan menanam semangat kebangsaan.

Bagaimanapun idea-idea *islah* ini mendapat tentangan yang hebat dari ulama tradisional yang berpegang kepada tradisi konservatif atau mempertahankan norma-norma hidup beragama secara tradisi yang tidak suka berlakunya perubahan. Kesannya lahir golongan ulama *islah* yang dilabelkan dengan "kaum Muda" disamping ulama konservatif yang dilabelkan dengan "kaum Tua". Pertentangan yang ketara diantara dua aliran pemikiran umat Islam "Kaum Tua dan Kaum Muda" pada mulanya berkaitan bidang fiqh dan akidah sahaja, tetapi telah merebak ke bidang-bidang yang lain. Ia akhirnya menjadi satu bentuk aliran pemikiran.

Menurut Shamsuddin (2002) golongan kaum tua ini ialah golongan yang tidak mahu melakukan perubahan dan kompromi serta tidak mahu menerima sebarang kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi yang berasal dari Barat. Mereka berpendapat bahawa Barat adalah musuh Islam, baik politik mahupun budaya yang mana ianya mesti ditolak. Masyarakat Islam dikatakan tidak perlu untuk mengikuti pemikiran yang diasaskan Barat kerana Islam itu bersifat *syumul* dan sempurna. Walaupun pada hakikatnya dalam pengalaman terjadi penyempitan Islam terhadap akidah tanpa disaluti unsur kebudayaan dan peradaban. Pendeta Zaa'ba pernah menggambarkan kaum tua

sebagai musuh utama yang menghalang dan menahan kemajuan Islam dan kejayaan umat muslimin. Mereka dipercayai telah membawa kepada kejatuhan, kelemahan dan kebinasaan (Adnan, 2009).

Manakala kaum muda adalah golongan yang menyeru masyarakat supaya kembali kepada ajaran Islam berdasarkan al Quran dan as Sunnah serta membuka ruangan berijtihad. Mereka telah menerima apa sahaja ilmu bermanfaat dan tidak bercanggah dengan nilai-nilai syariat kerana matlamat kaum muda ialah memajukan masyarakat Melayu melalui aktiviti-aktiviti keagamaan.

Tok Khurasan, telah memperkenalkan ajaran Syeikh Waliullah al Dahlawi di Kelantan dengan mengajar hadis dan tafsir mengikut aliran yang terdapat di Deoband, India. Selain itu beliau juga mengemukakan idea politik supaya orang Melayu dan orang Islam bersatu seperti yang terjadi di India melalui gerakan politik liga Islam di India (Abdul Rahman, 2004).

Hj Wan Musa Bin Abdul Samad (1874-1939) adalah antara yang terpengaruh di dalam mengembangkan idea-idea kaum muda di Kelantan. Beliau mengadakan majlis-majlis pengajian di rumahnya dan di beberapa tempat lain, terutama di Kampung Laut. Surau Hj Wan Musa di Kubang Pasu, Kota Bharu dijadikan pusat untuk mengembangkan idea pembaharuannya di mana kitab *Hujah al Balighah* karangan Syeikh Waliyullah al Dihlawi telah dijadikan teks utama dalam siri-siri kuliahnya (Salahuddin, 2010).

Dengan keadaan beliau yang demikian, tidak hairanlah pendapat beliau tentang agama bertentangan dengan pandangan ulama-ulama lain pada waktu itu. Contohnya dalam masalah niat *usalli*, masalah talkin, masalah sunat ulama tidur dahulu di dalam kubur sebelum mayat dikebumikan, masalah jilatan Anjing dan lain-lain. Pertentangan pendapat yang menimbulkan suasana gempar di Kelantan di antara Hj Wan Musa dan ulama-ulama lain.

Kalangan golongan ulama pondok yang terkenal dengan jolokan "kaum tua" pula telah berusaha menyekat kemaraan kaum muda dengan menubuhkan *Jabjah al Diniyyah* (Barisan Pembela Agama). Persatuan ini berpusat di Kota Bharu dan dipelopori oleh beberapa orang ulama yang terkenal seperti Hj Abdullah Tahir, Bunut Payong, Hj Ahmad Jambu (Hj Ahmad Bukhari), Hj Yusuf Padang Kala, Hj Ismail Perol dan lain-lain (Salahuddin, 2010).

Walau bagaimanapun, pertembungan antara dua aliran pemikiran ini dilihat menjadi semakin reda pada era 1950-an, terutamanya apabila tertubuhnya Parti Islam Se-Malaya pada tahun 1951, kerana kedua-dua golongan ini masing-masing sibuk menumpukan perjuangan mereka di dalam wadah perjuangan baru yang dibawa parti tersebut. Bolehlah dikatakan penubuhan Parti Islam Se-Malaya telah banyak meredakan pertembungan 'kaum tua' dan 'kaum muda' di Kelantan.

4. Kesimpulan

Artikel ini menegaskan bahawa tokoh-tokoh ulama dan gerakan islah di Kelantan memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk pemikiran dan pendidikan Islam di kawasan tersebut dari awal hingga pertengahan abad ke-20. Melalui usaha

gigih tokoh-tokoh seperti Tok Kenali dan Hj Nik Mohamad Ismail, serta penerbitan majalah-majalah keislaman, mereka telah berjaya menyebarkan ajaran Islam yang lebih progresif dan relevan dengan konteks masyarakat Melayu pada waktu itu. Gerakan islah ini bukan sahaja bertindak sebagai respon terhadap pengaruh budaya Barat, tetapi juga sebagai usaha untuk mengatasi kejumudan pemikiran yang melanda umat Islam. Dengan memanfaatkan medium penulisan dan pendidikan, mereka telah mencipta kesedaran baru dalam kalangan masyarakat, yang seterusnya membawa kepada perubahan sosial dan intelektual yang signifikan. Oleh itu, sumbangan tokoh-tokoh ini tidak hanya terhad kepada pendidikan agama, tetapi juga meliputi aspek sosial, politik, dan budaya yang membentuk identiti masyarakat Melayu di Kelantan. Warisan pemikiran dan gerakan islah ini yang dipelopori ulama-ulama ini terus memberi impak yang mendalam dalam perkembangan Islam di Malaysia hingga ke hari ini.

Rujukan

- Ab Aziz Mat Tom. (2000). *Politik Al-Imam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Halim Ahmad. (1982). *Pendidikan Islam Di Kelantan, dalam Beberapa Aspek warisan Kelantan*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Abdul Hayei Abdul Sukor. (1993). *Biografi dan pemikiran tajdid Shah Waliyullah al Dehlawi*. Petaling Jaya: Budaya Ilmu Sdn Bhd.
- Abdul Rahman Ahmadi. (2004). *Abdul Kadir Adabi dan Asaad Syukri, Suatu Perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Al Ahmadi. (1976). *Beberapa Cendekiawan Islam di Nusantara*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abdul Razak Mahmud. (2002). *Ikhtisar Sejarah Kelantan*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Adnan Hj Nawang. (2009). *Zaaba dan Melayu*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ahmad Fahd Barakat al-Syawabikah. (1984). *Harakah Al Jamiah Islamiah*. Zargā'
- Ahmad Faisal Abd Hamid. (2012). *Majalah Pengasuh Selepas Merdeka (1964-1996)*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Anonymous. (1939). *Al-Hikmah*. Kota Bharu: Matbaah Asasiah.
- Shamsuddin, H. M. (2002). *Kembali ke Islam yang benar, pandangan ulama, intelektual Islam dan Fundamentalis, isu dan pembukaan minda umat Melayu Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim Mustafa. (1972). *Al-Mu'jam al Wasit*. Kaherah: al Maktabah al Islamiah
- Ismail Awang. (1976). *Dato' Laksamana, Ulama, Wartawan dan Pentadbir*. Kota Bharu: Majlis Agama Islam Kelantan.
- Ismail Che Daud. (1991). *Sekolah pondok di Negeri Kelantan: Satu Tinjauan Umum*. Kota Bharu: Warisan Kelantan 13.
- _____. (2007). *Tokoh-tokoh Ulama Semenanjung Melayu (2)*. Kota Bharu: Majlis Agama Islam Kelantan.
- Mahmood Zuhdi Abd Majid. (1994). *Ijtihad mengapa dan bagaimana, beberapa pemikiran ijtihad, islah dan tajdid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad al Bahi. (1925). *al Fikr Islami al Hadis wasilatuhu Bi Isti'mar al Gharbi*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Muhammad Redhuan Othman. (2005). *Islam dan Masyarakat Melayu, Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Muhsin Abdul Hamid. (1987). *al Fikr Islami: Taqwimuhu wa Tajdiduhu*. Baghdad: Matbaat Darul Anbar.
- Nawawi Muhammad. (1981). *Mengingati detik-detik perjalanan Pengasuh di Sekitar tahun kemerdekaan, satu sorotan ringkas Mengenai aspek penulisan dan sebarannya*. Kota Bharu: Majlis Agama Islam Kelantan.
- Nurkhairani Kharuddin. (2002). *Gerakan Islah di Tanah Melayu tahun 1920-an hingga1940: Peranan Akhbar dan Majalah*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Salahuddin Abdullah. (2010). *Sejarah PAS Kelantan, Langkah-Langkah Menuju Mardhatillah*. Badan Perhubungan PAS Kelantan.
- Zakaria@Mahmodm Daud. (2014). *Muhammad Ibn Al Wahhab*. Kulala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.